

20 APR 2002

Muhyiddin-Pas

KERAJAAN PAS TERENGGANU JANGAN DAKWA MEREKA BERJAYA

KUALA TERENGGANU, 20 April (Bernama) -- Kerajaan Pas Terengganu diminta tidak terlalu mencanangkan kepada rakyat di luar negeri itu kononnya mereka telah berjaya membangunkan sebuah negeri di bawah pentadbiran mereka.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata ini kerana rakyat di seluruh negara telah dapat melihat sendiri kegagalan mereka mentadbir Terengganu sehingga rakyat berada dalam kesusahan.

"Itu satu pembohongan besar parti Pas untuk meraih sokongan rakyat... mereka sebenarnya tidak berjaya sama sekali," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuala Terengganu di sini hari ini.

Beliau berkata selepas dua tahun mentadbir Terengganu, kerajaan Pas tidak melakukan perubahan untuk faedah rakyat sehingga negeri ini agak ketinggalan berbanding negeri-negeri lain.

Malah katanya apa yang ada dan dibanggakan oleh kerajaan Pas hari ini adalah peninggalan daripada usaha kerajaan Barisan Nasional (BN).

Muhyiddin berkata ramai di kalangan rakyat di luar Terengganu telah dibawa melawat Terengganu dengan menunjukkan pelbagai projek tetapi ia sebenarnya dibangunkan oleh BN.

"Mereka boleh menipu rakyat luar Terengganu, tetapi rakyat negeri ini yang mengundi mereka dahulu kini mula sedar kegagalan mereka mentadbir kerajaan Terengganu," katanya.

Muhyiddin berkata beliau percaya apa yang dilakukan oleh kerajaan Pas itu tidak akan dapat mengaburi mata rakyat di luar Terengganu kerana mereka sendiri melihat dan mengikuti perkembangannya melalui media.

Pada majlis itu beliau turut menerima memorandum bantahan serangan Israel terhadap umat Islam di Palestin dan juga memorandum menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam daripada Pemuda Umno Bahagian Kuala Terengganu.

--BERNAMA

AYB SN ZB